



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2021-2030
(DAN 2.0)**

**25 OKTOBER 2021
(HIBRID)**

SALUTASI

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
Perdana Menteri Malaysia.

YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

YANG BERHORMAT DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II.

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Pengurusan Tertinggi MAFI

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Dif-dif kehormat

Rakan-Rakan Media

Seterusnya saudara dan saudari khususnya para petani, peladang, penternak, nelayan dan pengusaha sektor agromakanan di seluruh negara yang saya sanjungi dan kasihi sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, **Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob** atas kesudian melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) pada hari ini sebentar lagi. Sesungguhnya, ini menunjukkan bahawa Dasar Agromakanan Negara dan sekuriti makanan negara serta kepentingan keluarga petani, penternak dan nelayan termasuk pemain industri dan keseluruhan rantaianya sangat dekat di hati beliau.

LATAR BELAKANG

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

2. Sektor agromakanan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Namun, risiko dan cabaran di peringkat global dan domestik seperti pertumbuhan populasi, pemanasan global dan persaingan guna tanah perlu ditangani untuk memastikan kemampuan sektor ini.
3. Tambahan pula, negara kini masih bergelut dengan cabaran pandemik COVID-19 yang menguji ketahanan sistem makanan negara. Justeru, bagi memantapkan tadbir urus sekuriti makanan negara, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.
4. Selain itu, melalui beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi dan Belanjawan 2021, Dana Jaminan Makanan sebanyak 1 bilion ringgit telah diperuntukkan untuk memastikan kelancaran rantai bekalan makanan dan bagi mengurangkan impak ekonomi akibat penularan pandemik COVID-19.

Sidang hadirin sekalian,

PENGGUBALAN DAN 2.0

5. Sektor pertanian dan agromakanan negara telah melalui beberapa fasa peralihan sesuai dengan senario pembangunan negara dan global. Dalam hal ini, kita baru sahaja selesai menjalani tempoh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020. Maka sudah tentu, penggubalan satu dasar agromakanan baharu untuk tempoh 10 tahun akan datang mesti digubal.
6. Penggubalan dasar baharu ini telah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira isu sekuriti makanan yang meliputi daya saing dan kemampuan berlandaskan matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ini termasuk dapatan kajian perbandingan strategi dan amalan pertanian baik di negara-negara seperti Australia, Belanda, China, Thailand dan Vietnam yang menekankan elemen penyelidikan, pemodenan dan kebajikan petani.
7. Di samping itu, proses penyediaan DAN 2.0 turut melibatkan beberapa siri sesi konsultasi awam sebagai asas penggubalan dasar ini bersama pihak berkepentingan termasuk Kementerian serta agensi berkaitan, Kerajaan Negeri, Koridor Wilayah Ekonomi, para akademik, penggerak industri, persatuan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) serta golongan sasaran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

AGENDA PEMODENAN DAN 2.0

8. Izinkan saya menyentuh secara ringkas mengenai DAN 2.0 yang memberi penekanan kepada 3 prinsip iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Dalam hal ini, DAN 2.0 meliputi 6 Objektif, 5 Teras Dasar mengenai aspek pemodenan pertanian, pengukuhan akses pasaran,

pembangunan bakat industri, peningkatan amalan pertanian serta sistem makanan mampan dan pewujudan ekosistem perniagaan yang kondusif bersama 21 Strategi dan 77 Pelan Tindakan termasuk 18 Strategi dan 58 Pelan Tindakan di bawah 4 sub-industri utama iaitu padi dan beras; buah-buahan dan sayur-sayuran ternakan serta perikanan dan akuakultur.

9. Menjelang tahun 2030, sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) diunjur akan meningkat kepada 5% berbanding 2.3% pada tahun 2020. Bagi tahap sara diri *atau self-sufficiency level* (SSL) pula, bekalan makanan ruji negara iaitu beras dijangka akan meningkat kepada 75% pada tahun 2025 dan 80% pada tahun 2030.
10. Bagi industri ternakan pula, matlamat utama adalah peningkatan SSL daging lembu kepada 50% dan susu segar kepada 100% bagi mengurangkan kebergantungan import serta meningkatkan keselamatan makanan melalui kawalan penyakit dan amalan penternakan baik.
11. Manakala, bagi industri perikanan dan akuakultur pula, matlamat utama adalah untuk mengatasi masalah pengurangan sumber perikanan dan meningkatkan SSL sumber ikan dari 90% ke paras 98% serta tahap pendapatan nelayan dari median 2,000 ringgit kepada 2,724 ringgit hingga 5,500 ringgit. Dalam tempoh 2021-2030, adalah penting untuk memastikan subsektor perikanan dan akuakultur diuruskan secara mampan supaya dapat mengekalkan dan meningkatkan stok ikan sedia ada bagi menjamin bekalan pasaran yang berterusan. Pada masa yang sama, pembangunan perikanan laut dalam dan perikanan darat juga akan dipertingkatkan melalui galakan inovasi dan penggunaan peralatan berteknologi tinggi serta kepelbagaian spesies kultur.
12. Seterusnya, bagi memantapkan pembangunan subsektor buah-buahan dan sayur-sayuran dalam jangka masa panjang, adalah

penting untuk memudah cara penerimaan subsektor ini kepada teknologi terkini yang akan meningkatkan produktiviti dan nilai pengeluaran. Disamping itu, kemampuan subsektor buah-buahan dan sayur-sayuran untuk menghasilkan produk makanan dengan nilai nutrisi yang lebih tinggi, keselamatan pemakanan yang lebih baik serta mengurangkan impak negatif ke atas alam sekitar adalah penting untuk pertumbuhan yang mampan sekaligus meningkatkan nilai eksport.

13. Dari tahun 2021 hingga tahun 2030, pengeluaran buah-buahan dijangka akan terus bertambah dengan unjuran SSL meningkat daripada 79.8% pada tahun 2021 kepada 83.1% pada tahun 2030. Manakala bagi sayur-sayuran, peningkatan tahap SSL diunjur lebih tinggi iaitu daripada 54.2% pada tahun 2021 kepada 78.9% pada tahun 2030.
14. DAN 2.0 juga akan fokus untuk memacu pertumbuhan sektor agromakanan dengan aktiviti nilai tambah melalui pemerksaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), penggunaan IR4.0 serta pemantapan dan pendigitalan rantai nilai. Usaha ini juga selari dengan seruan *Food and Agriculture Organization of the United Nations* semasa Sambutan Hari Makanan Sedunia pada 15 Oktober lalu yang antara lain, menegaskan bahawa anjakan paradigma terhadap inovasi dan tahap kerjasama pelbagai pihak diperlukan bagi menjamin kemampanan sekuriti makanan.
15. Bagi tujuan ini, MAFI komited menyediakan persekitaran yang kondusif melalui kemudahan kewangan, insurans pertanian, pendigitalan produk dan penyediaan akses pasaran dalam talian. Melalui penerimgunaan teknologi yang lebih meluas, dijangkakan tahap kebergantungan negara kepada pekerja asing akan terus menurun. Keadaan ini seterusnya berupaya menarik lebih ramai penyertaan golongan belia untuk menceburi sektor ini.

16. Selain itu, MAFI juga akan terus mengalakkan kolaborasi yang lebih baik melalui kerjasama dengan sektor swasta bagi meningkatkan pelaburan di sepanjang rangkaian nilai khususnya melalui projek-projek yang berimpak tinggi.

Sidang hadirin sekalian,

HARAPAN

17. Besarlah harapan saya agar kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan supaya pelaksanaan dasar ini berupaya memacu pemodenan sektor agromakanan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan golongan sasaran dan ekonomi negara.
18. Sebarang perancangan dasar tidak akan berjaya tanpa pelaksanaan yang efektif, berkesan dan sasaran spesifik supaya memberi impak yang lebih besar dalam kesejahteraan Keluarga Malaysia. Dalam hal ini, saya yakin MAFI akan melaksanakan kesemua strategi dan inisiatif yang telah digariskan di bawah DAN 2.0 mengikut tempoh pelaksanaan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.
19. Pada peringkat ini, saya sendiri akan memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan dalam DAN 2.0 melalui Jawatankuasa Khas secara berkala. Jawatankuasa Khas ini akan dianggotai oleh pengurusan tertinggi MAFI serta Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.
20. Selain itu, Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh pakar yang berpengalaman dalam sektor agromakanan akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penasihat antara lain, untuk menasihat dan meneliti kerangka tadbir urus dan pelaksanaan DAN 2.0.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

21. Berdasarkan Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2021 yang diterbitkan oleh The Economist Intelligence Unit (EIU) baru-baru ini, Malaysia berada di tangga ke-39 daripada 113 negara yang terlibat dengan menunjukkan peningkatan sebanyak sembilan (9) anak tangga. Saya yakin pelaksanaan DAN 2.0 akan terus menyumbang kepada pemeraksanaan sistem makanan negara khususnya pengukuhan industri dan rantai bekalan makanan agar kekal berdaya tahan dalam mengharungi sebarang krisis di masa hadapan.
22. Sesungguhnya, kerjasama dan komitmen sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGOs) serta rakyat keseluruhannya adalah penting untuk mengatasi cabaran sekuriti makanan dengan berkesan. Dalam hal ini, langkah bersepadu dan holistik menerusi pendekatan *whole of nation* dapat memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa menghadapi sebarang ketidakpastian.
23. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudian melancarkan DAN 2.0. Saya juga turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dasar ini.

Sekian, terima kasih.